

KUALA LUMPUR, 11 JAN (BERNAMA) -- KERTAS PUTIH MENGENAI PENAHANAN 106 ORANG DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) SEJAK OKTOBER TAHUN LEPAS MUNGKIN DAPAT DISIAPKAN SEBELUM SIDANG PARLIMEN MAC DEPAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA. PERDANA MENTERI MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR BAHAWA POLIS SEDANG MENYIAPKAN DRAF KERTAS PUTIH ITU DAN KERJA-KERJA INI MUNGKIN DISIAPKAN SELEWAT-LEWATNYA SEBELUM PARLIMEN BERSIDANG.

MULAI 27 OKTOBER LEPAS, POLIS MENAHAN 106 ORANG ITU YANG TERDIRI DARIPADA BEBERAPA PEMIMPIN PARTI POLITIK TERMASUK UMNO, MCA, DAP, PAS DAN PSRM, SERTA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PERTUBUHAN SOSIAL DAN PROFESIONAL KERANA KEGIATAN MASING-MASING YANG BOLEH MEMUDARATKAN KESELAMATAN NEGARA.

ANTARA TOKOH-TOKOH POLITIK YANG DITAHAN ITU IALAH KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG, NAIB Pengerusi DAP, ENCIK KARPAL SINGH, KETUA PEMUDA MCA DATUK YAP PIAN HON DAN TIGA ORANG ANGGOTA EXCO PEMUDA UMNO.

BAGAIMANAPUN, 73 DARIPADA TAHANAN ITU TELAHPUN DIBEBASKAN MANAKALA PENAHANAN KE ATAS YANG LAIN, TERMASUK ENCIK LIM DAN ENCIK KARPAL SINGH TELAH DILANJUTKAN DUA TAHUN LAGI. - LAGI.

1945MST 11 01 88

B B504 AAB
MAHATHIR-KERTAS PUTIH 2 KUALA LUMPUR R' R' R'

DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM ITU TELAH MELUANGKAN MASA KIRA-KIRA SATU SETENGAH JAM MELAWAT SEKITAR BANGUNAN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), SEBUAH BANGUNAN KEPUNYAAN UMNO, YANG SEDANG DIUBAHSUAI UNTUK MENJADIKANNYA LEBIH MENARIK DAN LEBIH TERKENAL SEBAGAI SEBUAH PUSAT PAMERAN, PERSIDANGAN DAN JUGA TARIKAN PELANCONGAN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO DIIRINGI OLEH MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN SELAKU BENDAHARI PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERJA-KERJA UBAHSUAI ITU ADALAH UNTUK MEMBOLEHKAN RUANG-RUANG YANG MASIH BANYAK DI BANGUNAN ITU DISEWAKAN BAGI MENAMBAH PENDAPATAN PARTI.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA KINI TERDAPAT KELEBIHAN RUANG SEUMPAMA ITU DI KUALA LUMPUR TETAPI MENURUT PERDANA MENTERI +RUANG DI PWTC AGAK LEBIH ISTIMEWA+.

PWTC YANG DIBUKA SEPT 1985, ANTARA LAIN MEMPUNYAI BEBERAPA DEWAN BESAR UNTUK KEGUNAAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA SELAIN DARIPADA RUANG UNTUK PAMERAN-PAMERAN PERDAGANGAN. - LAGI.

2005MST 11 01 88

B B505 AAB
MAHATHIR-KERTAS PUTIH 3 KUALA LUMPUR R' R' R'

DITANYA MENGENAI RAYUAN DUA BUAH AKHBAR UNTUK MENDAPATKAN BALIK LESEN PENERBITAN MASING-MASING, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU SEDANG DIPERTIMBANG.

+SETAKAT INI, BELUM ADA KEPUTUSAN YANG DIBUAT,+ KATANYA.

HARIAN BERBAHASA INGGERIS, THE STAR DAN HARIAN BERBAHASA CINA, SIN CHEW JIT POH TELAH MERAYU KEPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI BARU-BARU INI UNTUK MENDAPATKAN BALIK PERMIT PENERBITAN MEREKA YANG DITARIK BALIK BERSAMA DENGAN PERMIT SEBUAH AKHBAR DWI-MINGGUAN, WATAN PADA BULAN OKTOBER LEPAS KERANA LAPORAN-LAPORAN AKHBAR BERKENAAN YANG BOLEH MENIMBULKAN KETEGANGAN KAUM.

MENGENAI PERGOLAKAN YANG SEDANG BERLAKU DI SEMENANJUNG GAZA DAN TEBING BARAT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP BANGSA-BANGSA BERSATU AKAN MENYIASAT LAPORAN PENGGUNAAN SENJATA KIMIA OLEH REGIM ISRAEL KE ATAS RAKYAT PALESTIN.

- BERNAMA.

2010MST 11 01 88